



KEMENTERIAN LUAR NEGERI

## PERKHIDMATAN PENGESAHAN DOKUMEN DAN PERKHIDMATAN NOTARI


**myPORTFOLIO**  
*"Birokrasi Dipermudahkan"*  
*"Bureaucracy Redefined"*

### KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN KONSULAR

No.	DOKUMEN / URUSAN	KADAR BAYARAN
1.	Sijil Tempasa / COO – <i>Certificate of Origin</i>	RM 20.00
2.	Dokumen Eksport/ LLDE – <i>Other Export Document</i>	RM 20.00
3.	Sijil Kelahiran (SB) – <i>Certified Birth Certificate</i>	RM 20.00
4.	Sijil Perceraian(SC) - <i>Certified Divorce Certificate</i>	RM 20.00
5.	Sijil Kahwin(SK) – <i>Certified Marriage Certificate</i>	RM 20.00
6.	Sijil Kematian(SM) – <i>Certified Death Certificate</i>	RM 20.00
7.	Sijil Kesihatan(SS) – <i>Certified Health Certificate</i>	RM 20.00
8.	Notari Awam(N) – <i>Certified Power of Attorney / Notary Public</i>	RM 20.00
9.	Dokumen Pekerja Asing(O) – <i>Certified Employment of Foreign Workers</i>	RM 20.00
10.	Sijil Kelakuan Baik(F) – <i>Certificate of Good Conduct</i>	RM 20.00
11.	Salinan Diakui Sah(CTC) – <i>Certified True Copy of Other Documents</i>	RM 10.00
12.	Sijil Akademik IPTA – <i>Certified IPTA Certificate (Public College / University)</i>	RM 10.00
13.	Sijil Akademik IPTS – <i>Certified IPTS Certificate (Private College / University)</i>	RM 10.00
14.	Sijil Akuan Bujang (SAB) – <i>Certified Single Status Certificate</i>	RM 10.00
15.	Pengesahan Penterjemah(T) – <i>Certified Translation of Document</i>	RM 10.00
16.	Laporan Polis(LLD) – <i>Certified Police Report</i>	RM 10.00
17.	Sijil Persekolahan (SEK) – <i>Certified School Certificate (PMR/SPM/STPM/STAM/SCHOOL LEAVING CERTIFICATE) – Original</i>	RM 10.00



### CARTA ALIRAN PROSES KERJA PENGESAHAN DOKUMEN MALAYSIA DAN DOKUMEN LUAR NEGARA



- Tempoh masa menunggu yang dipamerkan adalah dalam keadaan menunggu biasa serta tertakluk kepada jumlah pelanggan pada sesuatu masa.
- Dalam keadaan biasa, dokumen yang dikemukakan boleh dikutip pada hari yang sama atau dalam masa satu (1) hari bekerja yang berikutnya.
- Pengesahan dokumen untuk *Calling Visa Pekerja Asing* akan mengambil masa tiga (3) hari bekerja.
- Dokumen yang dihantar oleh jemaah haji / umrah akan disahkan dalam masa satu (1) hari bekerja. Dokumen yang diserahkan melalui ejen akan disahkan dalam masa tiga (3) hari bekerja dari tarikh penghantaran.

## GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN PENGESAHAN DOKUMEN DAN PERKHIDMATAN NOTARI

Dokumen yang berasal daripada Malaysia seperti Akuan Berkanun, Sijil Tempasal, Surat Perwakilan Kuasa, Sijil Persekolahan dan Sijil Kelahiran memerlukan pengesahan oleh Bahagian Konsular Kementerian Luar Negeri sebelum diserahkan kepada Perwakilan Asing untuk pengesahan lanjut bagi tujuan kegunaan rasmi di luar negara.

Keperluan untuk pengesahan dokumen di Bahagian Konsular adalah seperti berikut:

1. Pemohon perkhidmatan pengesahan dokumen perlu menunjukkan kad pengenalan/pasport.
2. Pengendorsan dokumen (import, eksport):
  - Sijil Asal - Mesti disahkan oleh Dewan Perniagaan / Perdagangan
  - Invois dan *Bill of Lading* - Mesti disahkan oleh Dewan Perniagaan / Perdagangan atau Notari Awam
  - Sijil Kesihatan & Sijil Penjualan Bebas - Mesti disahkan oleh Kementerian Kesihatan
3. Pengesahan dokumen-dokumen berikut perlu disahkan oleh Notari Awam:
  - Borang 7
  - Borang 9
  - Borang 13
  - Borang 20
  - Borang 22
  - Borang 24
  - Borang 44
  - Borang 49
  - Syarikat Penubuhan
  - Pelantikan Ajen / Lembaga Pengarah
  - Syarikat Pengenalan
  - Kuasa Wakil
  - Afidavit
  - Perjanjian / Kontrak
  - Memorandum Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA)
4. Bagi sijil daripada sekolah, kolej dan universiti swasta termasuk dari luar negara perlu disahkan terlebih dahulu oleh salah satu daripada pihak berikut:
  - Kementerian Pendidikan Malaysia
  - Kedutaan / Suruhanjaya Tinggi Asing yang ditauliahkan ke Malaysia
  - *British Council Malaysia*
  - *Malaysian-American Commission on Educational Exchange*

5. Bagi Surat Akuan Status Bujang adalah seperti berikut :
  - Untuk Warganegara Malaysia (Perkahwinan Bukan Islam) Surat Akuan Status Bujang mestilah dikeluarkan daripada Jabatan Pendaftaran Negara.
  - Manakala bagi perkahwinan pasangan yang beragama Islam, Surat Akuan Bujang / Surat Kebenaran mestilah dikeluarkan daripada Jabatan Agama Islam Negeri, Malaysia.
  - Surat Akuan Status Bujang bagi Warganegara Asing mestilah disahkan oleh Kedutaan / Suruhanjaya Tinggi / Konsulat Asing yang berkenaan di Malaysia atau telah disahkan oleh Kedutaan / Suruhanjaya Tinggi / Konsulat Jeneral / Konsulat Malaysia di luar negara yang berkenaan sebelum mendapat pengesahan dari Bahagian Konsular, Kementerian Luar Negeri.
6. Pengesahan dokumen yang telah diterjemahkan daripada Bahasa Melayu kepada bahasa lain atau sebaliknya, perlu diterjemahkan oleh salah satu daripada berikut:
  - Translator / Penterjemah Mahkamah Malaysia
  - Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM)
  - Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
  - Penterjemah yang dilantik / disahkan oleh Kedutaan / Suruhanjaya Tinggi Asing di Malaysia
7. Bagi dokumen yang dikeluarkan atau diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan atau negeri, Kementerian, Jabatan Kerajaan Tempatan ia boleh disahkan tanpa pengesahan kedua seperti pasport, sijil kelahiran, sijil kematian, pendaftaran tanah dan lain-lain.

### PENGESAHAN DOKUMEN DARI LUAR NEGARA

Dokumen yang berasal dari Luar Negara memerlukan pengesahan dari Perwakilan Asing di Malaysia sebelum diserahkan kepada Bahagian Konsular, Kementerian Luar Negeri Malaysia untuk pengesahan lanjut. Dokumen dalam Bahasa Asing perlu diterjemahkan ke Bahasa Inggeris.

### CALLING VISA BAGI PEKERJA ASING

1. Bagi setiap dokumen Pekerja Asing, sila sertakan:
  - Salinan Kad Pengenalan Majikan dan Surat Wakil Syarikat
  - Penyata EPF
  - Dokumen SSM Syarikat / (Borang 9, 49, 24)
2. Jika ingin memohon pengesahan resit rasmi asal (imigresen) sila bawa resit rasmi asal yang telah dicop oleh Jabatan Imigresen Malaysia.
3. Kegagalan membawa dokumen di atas atau tidak meletakkan tanda seperti yang dinyatakan boleh menyebabkan dokumen tersebut tidak dapat diproses.

### PENGESAHAN DOKUMEN UMRAH

1. Hanya satu salinan sahaja yang diperlukan oleh Kedutaan Besar Arab Saudi.
2. Tiada caj dikenakan pada pengesahan salinan pertama dokumen. Caj sebanyak RM 20.00 akan dikenakan bagi setiap satu salinan tambahan yang ingin disahkan.
3. Dokumen yang dihantar oleh ejen umrah yang berdaftar dan jemaah sahaja akan diterima. Dokumen yang diterima daripada wakil persendirian (runner) tidak akan dilayan.
4. Kerjasama ejen umrah dalam memaklumkan jemaah umrah berkenaan bilangan dokumen yang diperlukan dan caj tambahan yang akan dikenakan amatlah dihargai.

### MAKLUMAT PERHUBUNGAN

**Kementerian Luar Negeri  
Bahagian Konsular**  
Wisma Putra  
No. 1, Jalan Wisma Putra  
Presint 2  
62602 Putrajaya

Telefon : (603) - 8887 4047/4412  
E- Mel : [konsular@kln.gov.my](mailto:konsular@kln.gov.my)

Waktu Operasi  
Isnin - Khamis 08:30 - 16:00  
Jumaat 08:30 - 12:00  
14:45 - 16:00

**Kementerian Luar Negeri  
Pejabat Wilayah Sarawak**  
Tingkat 14, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga  
93300 Kuching, Sarawak  
Tel.: 082 - 236146  
Fax: 082 - 236983

**Kementerian Luar Negeri  
Pejabat Wilayah Sabah**  
Aras 7, Blok A.  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu, Sabah  
Tel.: 088 - 488 466  
Fax: 088 - 488 518